

1. RK13 - Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Pembuatan)

Objektif utama program ini adalah untuk melatih pelajar dalam bidang kejuruteraan pembuatan melalui penjanaaan dan penyebaran teknik-teknik berinovasi dalam pengajaran dan penyelidikan. Perjalanan kursus telah dirangka ke arah melahirkan jurutera yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam mengaplikasikan teori-teori yang dipelajari. Pelajar-pelajar dibekalkan dengan kebolehan merekabentuk, membangun dan melaksanakan sistem bersepadu yang menggabungkan unsur-unsur kemanusiaan, bahan, peralatan, maklumat dan tenaga. Struktur program ini adalah berlandaskan silibus kejuruteraan mekanikal yang merangkumi teras seperti Mekanik, Termobendalir, Bahan, Pembuatan, Kawalan, Mekatronik, Pembuatan Termaju, dan Sistem Pembuatan di samping kursus-kursus universiti yang menerapkan kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, pengurusan, dan keusahawan.

Dengan itu, kemahiran yang diterapkan akan membantu melahirkan jurutera yang berkebolehan menangani sebarang masalah dalam pelbagai industri. Graduan program ini juga dilatih supaya bersikap profesional dalam menjalankan tugas dengan mempraktikkan proses pembelajaran berterusan sama ada secara formal atau tidak formal. Graduan ini berpeluang untuk bertugas sebagai jurutera pembuatan dalam pelbagai industri, sebagai contoh, automotif, elektronik, farmasiutikal, tekstil serta industri pemprosesan makanan.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Projek
- Jurutera Produk
- Jurutera Pengujian
- Jurutera Kawalan Kualiti
- Jurutera Fasiliti
- Jurutera Industri
- Jurutera Proses
- Jurutera R&D
- Jurutera Pembuatan
- Jurutera Penyelenggaraan
- Jurutera Mekanikal

2. RK84 - Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Rekabentuk Produk)

Objektif program ini adalah untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir serta mempunyai pengetahuan yang kukuh dalam bidang kejuruteraan rekabentuk produk. Para graduan juga akan diterapkan dengan ilmu kejuruteraan dan kemahiran insaniah supaya mempunyai personaliti dan keperibadian yang unggul dan mampu berdikari sebagai seorang jurutera. Struktur program ini adalah berlandaskan silibus kejuruteraan mekanikal yang merangkumi teras seperti Mekanik, Termobendalir, Bahan, Pembuatan, Kawalan, Mekatronik dan juga Rekabentuk di samping kursus-kursus universiti yang menerapkan kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, pengurusan, dan keusahawan.

Kemahiran yang diterapkan akan membantu melahirkan jurutera rekabentuk produk yang berkebolehan menangani sebarang masalah dalam pelbagai industri. Graduan program ini juga dilatih supaya bersikap profesional dalam menjalankan tugas dengan mempraktikkan proses pembelajaran dan penyelidikan berterusan sama ada secara formal atau tidak formal. Terdapat permintaan yang tinggi untuk jurutera rekabentuk produk yang mempunyai ilmu pengetahuan asas dalam bidang teknologi pembuatan, sifat-sifat bahan, kejuruteraan rekabentuk industri, pengujian, pemilihan dan pemprosesan bahan untuk menjadi produk kegunaan pelanggan seperti dalam industri automotif, aeroangkasa, elektronik dan sebagainya.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Perunding Rekabentuk Produk
- Jurutera Proses
- Jurutera Produk
- Jurutera Mekanikal
- Jurutera Projek
- Jurutera R&D
- Jurutera Penyelenggaraan
- Jurutera Pengujian
- Jurutera Industri